



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**10 APRIL 2017 (ISNIN)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Harian Metro**

- REZEKI TRAK MAKAKAN

32-33



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
 PANDAN INDAH, SELANGOR,  
 55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>10 APRIL 2017 (ISNIN)</b>	
Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	REZEKI TRAK MAKANAN
Muka Surat	32-33

encana  
10-04-2017  
HARIAN METRO

**REZEKI TRAK**

**1**

**Nor 'Asyikin Mat Hagin**  
 asyikin.mat@metro.com.my

**P**ulangan keuntungan lumayan dalam perniagaan trak makanan mendorong seorang warga emas menceburi perniagaan berkenaan tujuh bulan lalu.

Memilih menjual pizza berkonsepkan ala kafe di empat lokasi tetap di Lembah Klang, Sariff Matsom Akech, 60, mampu meraih pendapatan bersih bulanan kira-kira RM15,000.

Walaupun masih baru beroperasi, tetapi dia sudah berkemampuan memiliki dua trak makanan itu dengan dibantu 10 pekerja yang ditugaskan di lokasi ditetapkan selain memenuhi undangan perniagaan di majlis keramatan pada hujung minggu.

Katanya, dia memilih menjual pizza kerana makanan Itali itu kerana sudah menjadi salah satu makanan kegemaran rakyat Malaysia dan perniagaan terbabit membantu mereka untuk mendapatkan makanan berkenaan secara lebih mudah.

"Saya juga menjual beberapa menu lain makanan Itali seperti spaghetti dan lasagne. Harganya bukan saja berpatutan, tetapi rasanya sama dengan yang dijual di premis makanan segera yang lain.

"Selera rakyat di negara ini sudah berubah, begitu juga dengan trend perniagaan masa kini turut mengalami perubahan," katanya ketika ditemui pada program Legasi Wanita dan Perniagaan Trak Makanan anjuran Pertubuhan Irtigam Melayu Malaysia (IMM) di Pandan Capital, Kuala Lumpur, semalam.

Semalam 35 peserta wanita menyertai program berkenaan yang turut diberikan penerangan perniagaan oleh Pengasas Legasi 'Food Truck' Malaysia Norjimi Azmi Latif.

Bekas kakitangan awam itu berkata, sebahum terbabit dalam perniagaan berkenaan dia terlebih dahulu meninjau di beberapa lokasi tumpuan perniagaan trak makanan termasuk di luar negara untuk melihat trend perniagaan berkenaan.

"Pada masa ini, ia adalah

**3**

■ **Perniagaan jadi trend kini dijangka berkembang jadi industri**

■ **Seramai 95 peratus penggiat adalah golongan Bumiputera**

2



## MAKANAN

fenomena, tetapi dalam tempoh lima tahun akan berkembang menjadi industri yang besar.

"Lebih-lebih lagi 95 peratus peniaga trak makanan adalah Bumiputera dan perniagaan ini adalah peluang keemasan kepada orang Melayu untuk merubah kehidupan," katanya.

Sementara itu, Norjimi berkata, mereka yang ingin menceburi perniagaan terbahit perlu mempunyai tiga aspek penting iaitu ilmu, jaringan perhubungan dan tindakan.

"Ini untuk memastikan perniagaan dijalankan dapat bertahan dan berkembang maju di samping boleh menambahkan lagi kenderaan trak makanan.

"Dalam program ini juga, saya turut berperanan sebagai pemudah cara membantu mereka yang berminat menjalankan perniagaan itu terutama dalam mendapatkan pembiayaan pinjaman membeli trak makanan," katanya.

4



1. NORJIMI memberikan penerangan mengenai prospek perniagaan menggunakan trak makanan.

2. PESERTA yang mengikuti Legasi Wanita dan Perniagaan Trak Makanan.

3. BAKAL penggiat trak makanan bergambar beramai-ramai.

4. PENGASAS Hijrah Food, Sariff Matsom Akeeb melayan pelanggan.